

**UCAPAN ALUAN
YANG BERBAHAGIA DATO' HALIMAH HASSAN
KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR MALAYSIA**

**MAJLIS MENANDATANGANI NOTA KERJASAMA DAN
MEMORANDUM PERSEFAHAMAN DUA HALA**

ANTARA

**JABATAN ALAM SEKITAR (JAS) DENGAN AGENSI KERAJAAN,
INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (IPT), SYARIKAT BERKAITAN
KERAJAAN (GLC), SYARIKAT MULTINASIONAL (MNC),
SYARIKAT SWASTA, HYPERMARKET, SYARIKAT UTILITI DAN
SERVIS SERTA PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN (NGO)**

**1 OKTOBER 2013
DEWAN BAIDURI, NRE**

YBhg. Dr. Zulkifli Abdul Rahman

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Alam Sekitar

YBhg. Dato' Dr Ahmad Kamarulnajuib bin Che Ibrahim

Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) Jabatan Alam Sekitar

Pengarah-pengarah Jabatan Alam Sekitar

**YBhg Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-Tuan, Puan-Puan yang
dihormati sekalian,**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

1. Saya amat berbesar hati serta berterima kasih di atas kesudian YBhg. Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-Tuan, dan Puan-Puan yang sudi melapangkan masa untuk hadir di Majlis Menandatangani Nota Kerjasama Memorandum Persefahaman (MOU) Dua Hala antara JAS dengan agensi kerajaan, Institusi Pengajian Tinggi (IPT), Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Syarikat Multinasional (MNC), Syarikat Swasta, Hypermarket, Syarikat Utiliti Dan Servis Serta Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

2. Saya berasa sangat bertuah kerana pada hari ini, JAS sekali lagi secara rasminya akan melebarkan lagi jaringan kerjasama dengan agensi kerajaan, Institusi Pengajian Tinggi (IPT), Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Syarikat Multinasional (MNC), Syarikat Swasta, Hypermarket, Syarikat Utiliti Dan Servis Serta Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dalam melaksanakan aktiviti – aktiviti kesedaran alam sekitar. Pada hari ini, sebanyak 23 organisasi telah bersetuju dan mengambil bahagian. Beberapa organisasi telah bersedia untuk menandatangani Memorandum Persefahaman pada sesi yang lepas, walaubagaimana pun, terdapat sedikit masalah teknikal yang menyebabkan berlaku penundaan tarikh. Namun, pada hari ini hasrat untuk menandatangani Memorandum Persefahaman ini telah direalisasikan pada majlis ini.

3. Untuk makluman hadirin sekalian, JAS telah mengadakan beberapa siri Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman. Majlis yang pertama telah diadakan pada 5 Jun 2013 yang lalu

sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia. Melibatkan 32 organisasi luar dan telah diadakan di Awana Longhouse, Genting Highlands. Selain daripada itu, majlis seperti ini juga telah diadakan di peringkat Negeri Perak, Johor, Melaka dan Pahang yang merangkumi Negeri Kelantan dan Terengganu. Selain itu, JAS juga telah menandatangani Memorandum Persefahaman dengan pihak Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) dan PUSPAKOM bagi meningkatkan lagi kualiti serta integriti dalam perkhidmatan dan tugas JAS. JAS juga berbesar hati sekiranya ada pihak-pihak lain yang berminat untuk menjalinkan hubungan kerjasama dan majlis seperti ini akan diadakan di masa akan datang.

Yang Berhormat / Para Hadirin sekalian,

4. Alam sekitar merupakan milik kita semua dan menjadi tanggungjawab kita untuk memelihara serta menggunakan sumber semula jadi dengan lestari bagi mencapai pembangunan serta peningkatan sosioekonomi rakyat. JAS mempunyai wawasan bahawa masyarakat Malaysia sensitif terhadap pemuliharaan alam sekitar dan sanggup memikul tanggungjawab untuk memastikannya terus dipelihara bukan sahaja untuk generasi kita tetapi juga bagi generasi akan datang. Ini menjadi harapan dan hasrat Jabatan supaya setiap warganegara Malaysia menanamkan sikap cintakan alam sekitar serta membudayakannya dalam kehidupan seharian.

5. Dalam hubungan ini, dan selaras dengan Pelan Transformasi Jabatan bagi tahun 2013, Jabatan Alam Sekitar telah mengambil pendekatan dengan menjalinkan kerjasama pintar (*smart and strategic partnership*) dengan pihak industri, pertubuhan bukan

kerajaan (NGO) dan pertubuhan-pertubuhan lain dalam menjalankan aktiviti kesedaran alam sekitar.

6. Sesi *engagement* dan *consultation* telah dilaksanakan dengan semua pihak berkepentingan dan antara program yang telah dijalankan ialah Minggu Pejabat Hijau pada 22 April 2013 oleh Sime Darby Property Berhad dan kerjasama dengan Bank Rakyat bagi Penganugerahan Sekolah Lestari – Anugerah Alam Sekitar 2011/2012. Kedua – dua program ini telah dijalankan bersempena dengan Hari Bumi 2013. Program – program lain yang telah dijalankan antaranya ialah Penang Run dan Malakoff University Duathlon dengan kerjasama Malakoff Corporation Berhad dan Sambutan Hari Air Sedunia Peringkat Negeri Johor dengan kerjasama Syarikat Air Johor Holdings Sdn Bhd. JAS juga telah mengadakan kerjasama dengan Rangkaian Hotel Seri Malaysia dengan menganjurkan Program Zero Sampah, yang telah dilancarkan pada 23 Ogos 2013 yang lalu. InsyaAllah lebih banyak lagi program-program sedemikian akan dapat dijalankan dengan kerjasama semua pihak dengan pendekatan baru ini.

Para Hadirin sekalian,

7. Di sini juga, saya dengan sukacitanya ingin mengumumkan Majlis Sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia yang akan disambut pada 21 hingga 27 Oktober setiap tahun akan diadakan pada 26 dan 27 Oktober 2013 di Putrajaya. Saya berbesar hati menjemput para hadirin sekalian untuk menyertai program-program yang telah dirancang seperti Jejak Mesra Rakan Alam Sekitar, Senamrobik, Pertandingan Debat Alam Sekitar, Enviro-Hunt dan sebagainya.

Booth pameran juga disediakan secara percuma bermula 26 hingga 27 Oktober 2013. Selain itu, YBhg Datuk, Datin, Tuan-Tuan, Puan-Puan juga digalakkan untuk menganjurkan program bersempena Minggu Alam Sekitar Malaysia di premis masing-masing dan JAS Negeri bersedia untuk membantu bersama menjayakan program tuan-puan.

8. Alhamdulillah sebentar lagi akan berlangsungnya sesi menandatangani Memorandum Persefahaman antara JAS dengan pihak – pihak berkepentingan bagi menjalankan program-program kesedaran pada masa hadapan. Untuk makluman, Memorandum Persefahaman ini menfokuskan kepada dua intipati utama iaitu :

- a) Melaksanakan dan mempromosikan aktiviti / program kesedaran alam sekitar; dan
- b) Melaksanakan, menggalakkan dan meningkatkan penyertaan keahlian dalam program Rakan Alam Sekitar

9. Ia berfungsi sebagai suatu pernyataan persefahaman dan hasrat untuk bekerjasama antara satu sama lain di mana pihak-pihak yang menandatangani MOU ini tidak terikat kepada apa-apa tanggungan atau liabiliti secara perundangan.

10. Adalah menjadi harapan saya agar pelaksanaan pendekatan baharu seperti ini dapat menambah kesedaran masyarakat terhadap alam sekitar dan meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan dan mencapai situasi menang-menang (*win-win situation*) kepada semua pihak.

Para Hadirin sekalian,

11. Saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis ini. Tahniah dan syabas di atas usaha dan komitmen yang telah ditunjukkan. Saya berharap kita semua akan terus memperjuangkan usaha-usaha pemuliharaan alam sekitar di Malaysia dan kerjasama strategik seperti ini akan menjadi medan utama dalam memberikan manfaat kepada semua pihak.

12. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih di atas kesudian YBhg. Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-Tuan, dan Puan-Puan, dan dif – dif kehormat lain termasuk wakil – wakil agensi kerajaan, Institusi Pengajian Tinggi, syarikat swasta serta NGO untuk hadir ke majlis ini. Kehadiran YBhg. Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-Tuan, dan Puan-Puan, ke Majlis ini membuktikan sokongan padu pelbagai pihak terhadap usaha-usaha pemeliharaan alam sekitar. Marilah kita bersama-sama menjadikan kelestarian alam sekitar dan pembangunan lestari tanggungjawab kita bersama.

Sekian. Terima Kasih.